



Headline: Rugi RM15,000 ditipu sindiket menyamar polis
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 November 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 60

Rugi RM15,000 ditipu sindiket menyamar polis

Kepala Batas: Akibat bimbang ditangkap kerana didakwa terbabit kes pengubahan wang haram, seorang kerani berusia 57 tahun kerugian RM15,000 ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

Lelaki itu dihubungi suspek yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Shamsul, kira-kira jam 9 pagi Isnin lalu, dan memaklumkan kononnya mangsa terbabit kes pengubahan wang haram berjumlah RM530,000.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata wang itu didakwa berada dalam akaun bank yang kononnya dibuka mangsa di Kota Kinabalu, Sabah.

"Mangsa menafikan perkara itu sebelum panggilan disambung kepada seorang lelaki lain kononnya pegawai Bukit Aman bernama Inspektor Mazlan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, mangsa yang panik kemudian diperdaya memindahkan semua wang dalam akaun kononnya untuk mengelakkan dibeku, malah sindiket memberi jaminan ia akan dikembalikan pada hari sama selepas 'siasatan' selesai.

Susulan itu, katanya, mangsa terus ke bank dan melakukan dua transaksi dalam masa sehari membabitkan wang berjumlah RM15,000.

"Sindiket meminta lelaki itu memasukkan lagi wang RM50,000 ke dalam akaun sama diberikan, namun mangsa mula mengesyaki diri ditipu sebelum membuat laporan polis, semalam (kelmarin)," katanya.